

Perawi Patronimi Bernama Hilal dalam *al-Kutub al-Sittah*

The Narrator with the Patronymic Name Hilal in the Six Major Hadith Books

WAN KAMAL NADZIF, W.J.^{*,1}, SHAHRIL NIZAM ZULKIPLI², NORAZMI ANAS², WAN KHAIRUL AIMAAN WAN MOKHTAR³ & ALA FATHI EID MUTAWE⁴

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia

³Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia

⁴Al-Rowad International Academy, 11953 Amman, Jordan

*Corresponding Author; email: wankamal@gmail.com

Received: 13 May 2024/Revised: 4 November 2024 /Accepted: 13 February 2025/

Publish: 3 June 2025

ABSTRAK

Sarjana hadis memberi perhatian khusus terhadap rantai perawi (sanad) dalam al-Kutub al-Sittah. Kitab-kitab ini adakalanya menggugurkan nama penuh atau ulasan terhadap perawi, terutamanya ketika menukilkan nama perawi yang dinasabkan kepada keturunan bapa ke atas. Ini menyebabkan pembaca terkeliru, kerana menyangka individu sama yang disebut dengan nama berbeza adalah dua individu berlainan. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti dua perawi patronimi bernama Hilal dan riwayat hadis mereka daripada Nabi. Dengan menggunakan kajian kualitatif, analisis teks hadis dan karya rijal, hasil kajian menunjukkan faktor nama patronimi Arab adalah sebab utama pengulangan berlaku. Kajian mendapati tiga perawi dinasabkan kepada nama bapa, dua perawi dinasabkan kepada gelaran bapa (kunya), seorang perawi dinasabkan kepada nama datuk, seorang dinasabkan kepada gelaran moyang (kunya) dan seorang perawi dengan nama gelaran (laqab). Kedudukan muktabar al-Kutub al-Sittah yang dicapai pada zaman dahulu tidak menghalang kajian berterusan pada masa kini dan bagi para pengkaji hadis, keahlian mereka menganalisis dan mengkritik dibuat bertujuan untuk memelihara warisan hadis Nabi Salla 'Llahu 'alaih wa sallam.

Kata kunci: Nama; perawi; sanad; riwayat; al-Kutub al-Sittah

ABSTRACT

Scholars of hadith have devoted extensive attention to the chains of transmission (isnad) in the Six Major Hadith Books. Sometimes, these books omit full names or details of narrators, particularly when the narrators are identified only by their first name and patronymic. This may lead to confusion among readers, as they might incorrectly assume that one individual referred to by different names is two distinct persons. This study aims to identify two narrators with the patronymic name Hilal and trace their narrations from the Prophet. By employing qualitative research and analysing hadith texts and biographical sources (rijal), this study concluded that patronymic names in Arabic significantly contribute to the repetition of these names. The study identified three narrators by their father's name, two by their father's teknonymic name (kunya), one by their grandfather's name, one by their great-grandfather's teknonymic name (kunya), and one by a personal surname (laqab). The canonical status achieved by the Six Major Hadith Books has been continuously the subject of study, and scholars of hadith always reserve the right to scrutinise it critically to preserve the legacy of the Prophet, peace be upon him.

Keywords: Name; narrator; chains of transmission; narration; Six Major Hadith Books

PENGENALAN

Perbincangan tentang keaslian dan autentikannya koleksi kitab-kitab hadis merangkumi rantai periwatan dan teks yang disampaikan (Yusoff 2020). Justeru, para perawi atau rijal *al-Kutub al-Sittah* sentiasa menjadi subjek dan bahan kajian sejak dari zaman dahulu hingga sekarang (Omar 1998). Ini disebabkan oleh kedudukan Enam Kitab (*al-Kutub al-Sittah*) yang menjadi rujukan muktabar kepada hadis-hadis Nabi Muhammad SAW. Bergantung kepada objektif kajian, ada yang bertujuan untuk menjelaskan kekeliruan pengkaji terdahulu dan ada yang hendak mengkritik kedudukan sumber kedua ajaran Islam ini melalui para perawinya (Suliaman et al. 2019). Misalnya G.H.A. Juynboll yang mengkaji perawi bernama Hafs yang muncul sebanyak 35 kali dalam *Tahdhib al-Tahdhib*. Beliau mendakwa kewujudan 13 orang perawi dengan nama yang sama iaitu Hafs bin 'Umar, yang hidup sezaman, dengan lapan orang daripada mereka meriwayatkan hadis daripada Shu'bah adalah satu fakta yang sukar ditelan. Kesimpulan beliau, watak bernama Hafs bin 'Umar adalah rekaan dan produk ciptaan pengarang kitab rijal (Juynboll 1983).

Menurutnya lagi, terdapat lapan orang Hafs bin 'Umar yang menghadiri majlis pengajian Shu'bah dengan berpuluh-puluh nama Hafs bertebaran di seluruh Iraq. Patern ini menunjukkan seseorang yang sangat dikenali seperti Shu'bah al-Hajjaj ialah *common-link* untuk disandarkan sanad kepada namanya dan menjadikan pemalsuan sanad itu sangat berjaya dan banyak. Ini kerana murid bernama Hafs yang mengambil hadisnya terlalu ramai dengan peribadi setiap individu Hafs itu tidak dikenali namun muncul sebagai salah seorang murid Shu'bah (Juynboll 1983).

Penulis mengkaji nama-nama perawi ini dan mendapati daripada lapan orang perawi Hafs bin 'Umar, tiga orang direkodkan dalam *Tahdhib al-Tahdhib* (1984) manakala lima orang dalam *Lisan al-Mizan* (1986). Walaupun kedua-dua kitab rijal ini dikarang oleh Ibn Hajar, *al-Tahdhib* menghimpunkan 9,151 orang perawi *al-Kutub al-Sittah* merangkumi perawi yang diterima dan ditolak. Sedangkan *al-Lisan* menghimpunkan 5,991 perawi dan fokusnya adalah perawi yang ditolak kerana ia edisi ringkasan daripada *Mizan al-I'tidal* oleh al-Dhahabi. *Al-Lisan* dikarang oleh Ibn Hajar pada tahun 805 Hijrah ketika berusia 32 tahun manakala *al-Tahdhib* disiapkan pada tahun 808 Hijrah ketika usianya 35 tahun (Nadzif 2017).

Berdasarkan kajian penulis, lapan orang Hafs bin 'Umar yang didakwa sebagai murid Shu'bah oleh Juynboll mempunyai gelaran yang berbeza-beza iaitu al-Hawdi, al-'Adani, al-Imam, al-Qari, al-Shami, al-Basri, al-Ubulli dan al-Rafa. Hafs bin 'Umar al-Imam dan al-Wasiti merujuk kepada individu yang sama. Tiga orang Hafs bin 'Umar meriwayatkan hadis dalam *al-Kutub al-Sittah* iaitu al-Hawdi, al-'Adani dan al-Shami (Ibn Hajar 2004). Hanya seorang perawi dinilai *thiqah thabt* iaitu Hafs bin 'Umar al-Hawdi (m.225H) yang merupakan murid sebenar Shu'bah. Riwayatnya terdapat dalam *Sahih al-Bukhari*, *Sunan Abi Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi* dan *Sunan al-Nasa'i*. Dua orang lagi meriwayatkan dalam *Sunan Ibn Majah* iaitu al-'Adani, seorang perawi *da'if* dan al-Shami seorang perawi *majhul*. Baki lima orang perawi lagi sama ada *da'if* (al-Imam), *majhul* (al-Qari), *matruk* (al-Basri) dan dua orang *kadhdhab* iaitu pembongong (al-Ubulli dan al-Rafa). Al-Mizzi (1980) cuma menyenaraikan Hafs bin 'Umar al-Hawdi sebagai murid Shu'bah secara pasti manakala yang lain dimasukkan sebagai murid Shu'bah kerana terdapat riwayat yang menyandarkannya.

Semata-mata terdapat sanad yang menyandarkan seseorang perawi kepada gurunya tidak menjadikan dia seorang murid. Ulama *al-jarh wa al-ta'dil* dapat membezakan di antara murid sebenar yang mengambil hadis daripada seorang guru dengan murid yang palsu. Menurut al-'Abbas bin Muhammad, al-Hawdi meriwayatkan hadis-hadis sahih daripada Shu'bah (al-Mizzi 1980). Sebaliknya al-'Uqaili mengkritik al-Ubulli kerana meriwayatkan hadis-hadis batil daripada Shu'bah (al-Dhahabi 1995). Ibn Abi Hatim memperingatkan bahawa al-Rafa pernah berbohong pada satu hadis riwayat Shu'bah (Ibn Hajar 1986). Maka tidak semua perawi yang direkodkan pernah meriwayatkan daripada Shu'bah adalah murid Shu'bah.

Oleh sebab itu, pengetahuan tentang perawi yang mempunyai pelbagai nama penting untuk mengelakkan kekeliruan dan kesimpulan yang tidak tepat. Dalam era digital kini, penggunaan teknologi untuk menentukan peribadi perawi sangat membantu namun kebarangkalian berlaku kesilapan masih ada (Farooqi et al. 2024). Abu Salih dalam sanad al-Tirmidhi pada hadis tentang umur umat baginda diperkenalkan sebagai Abu Salih al-Samman; *thiqah thabt* di laman Islamweb, *Jawami' al-Kalim* dan Ensiklopedi Hadits Kitab 9 Imam. Sedangkan perawi ini sebenarnya ialah Abu Salih Mina'; *layyin* seperti yang dikaji oleh

Nadzif (2017). Puncaknya adalah kerana perawi Abu Salih mempunyai dua nama. Kesilapan penentuan peribadi bukan hanya boleh berlaku kepada perawi hadis, bahkan kepada pengarang kitab. Mohd Nor Adzhar et al. (2023) membuktikan pengarang kitab *al-Munabbihat* bukanlah Ahmad bin ‘Ali Ibn Hajar al-‘Asqalani yang masyhur itu sebaliknya Ahmad bin Muhammad al-Hajji; *majhul*. Namun kitab bercetak secara berterusan menisbarkannya kepada Ibn Hajar. Inilah kepentingan kajian ilmiah.

Artikel ini mengkaji dua orang perawi *al-Kutub al-Sittah* bernama Hilal yang mempunyai empat nama. Nama-nama ini direkodkan dalam sanad hadis. Kepentingan tajuk ini dapat dilihat apabila al-Khatib al-Baghdadi membahaskan secara detil empat orang perawi bernama Hilal dalam bukunya tentang perawi yang sama tapi berbeza bertajuk *al-Muttafiq wa al-Muftariq*. Begitulah perhatian yang diberikan oleh ulama hadis terdahulu dan pengkaji kontemporari seperti orientalis terhadap ilmu rijal.


LATAR BELAKANG PERAWI BERNAMA HILAL DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*

Terdapat 29 orang perawi bernama Hilal yang meriwayatkan hadis dalam *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan al-Nasa’i* dan *Sunan Ibn Majah* (Ibn Hajar 2004). Daripada keseluruhan 29 orang ini, seorang adalah Sahabat Nabi, 17 orang dari generasi tabi‘in, sembilan orang dari generasi tabi‘ tabi‘in


dan dua orang dari generasi selepas tabi‘ tabi‘in. Perawi yang dikaji bernama Hilal bin Abi Hilal dari generasi tabi‘in dan Hilal bin Abi Humaid dari generasi tabi‘ tabi‘in. Setiap seorang daripada mereka mempunyai empat nama yang digunakan dalam sanad. Maka terdapat lapan orang perawi Hilal yang meriwayatkan hadis dalam *al-Kutub al-Sittah* namun hakikatnya mereka berdua individu yang sama.

Dua orang perawi dengan lapan nama berulang, menjadi subjek kajian bagi menjelaskan kedudukan namanya yang sebenar, penggunaan namanya dalam sanad dan khilaf ulama rijal dalam penentuan peribadinya. Ini menunjukkan ketelitian ulama hadis dalam mengupas biodata perawi kerana kekeliruan (*wahm*) dalam penentuan peribadi perawi, boleh membawa kepada kesilapan dalam menghukum riwayatnya.

Dari generasi Sahabat Nabi, terdapat seorang Sahabat yang meriwayatkan hadis bernama Hilal bin Abi Hilal al-Aslami. Satu hadisnya direkodkan dalam *Sunan Ibn Majah* (no.3139) melalui riwayat anaknya Umm Bilal binti Hilal daripada bapanya. Walaupun dalam *al-Kutub al-Sittah* terdapat kisah tentang Sahabat bernama Hilal bin Umayyah al-Ansari, ia tidak termasuk dalam kajian kerana beliau tidak meriwayatkan hadis (*al-rawi al-a’la*). Sebaliknya kisah beliau dirakamkan dalam matan hadis kerana Hilal bin Umayyah menuduh isterinya berzina iaitu perbahasan tentang hukum *qazaf* dan *li’an* (al-Bukhari 1987: no.4470).



RAJAH 1. Pembahagian Generasi Perawi Bernama Hilal



RAJAH 2. Hukum Perawi Bernama Hilal Berdasarkan 12 Tingkatan Dalam *al-Taqrīb*

Berdasarkan 12 tingkatan *al-jarh wa al-ta'dil* menurut Ibn Hajar dalam kitabnya *Taqrīb al-Tahdhib*, hukuman perawi bernama Hilal dapat dibahagikan seperti rajah 2 di atas. Memandangkan *al-Taqrīb* adalah kitab terakhir yang dikarang iaitu dua tahun sebelum kewafatannya, penilaian Ibn Hajar dalam kitab ini menjadi pemutus terhadap penilaian beliau sebelumnya. *Al-Taqrīb* selesai dikarang pada tahun 850 Hijrah ketika usianya 77 tahun. Ia adalah ringkasan kepada *Tahdhib al-Tahdhib*. Ibn Hajar membahagikan tingkatan *ta'dil* kepada enam dan tingkatan *tajrih* kepada enam. Terdapat seorang perawi bernama Hilal dari tingkatan Sahabat Nabi iaitu Hilal bin Abi Hilal al-Aslami. Nama ini tidak muncul secara jelas dalam sanad, sebaliknya secara isyarat kerana yang tercatat adalah nama anaknya daripada bapanya daripada Nabi SAW.

Dari tingkatan ketiga iaitu perawi dipercayai (*thiqah*) ada 11 orang dan tingkatan keempat iaitu perawi benar (*saduq*) ada dua orang. Seorang perawi dari tingkatan kelima bernama Hilal bin Khabbab iaitu seorang yang benar dari sudut peribadinya namun hafalannya berubah akibat faktor umur di penghujung usia. Enam orang perawi bernama Hilal dikategorikan sebagai *maqbul* bermaksud riwayatnya diterima dengan tiga syarat. Pertama hadisnya sedikit, kedua berlaku khilaf ulama dalam men-*ta'dil* atau men-*tajrih*-nya dan ketiga riwayatnya disokong (Ibn Hajar 2004).

Lapan orang perawi bernama Hilal di-*tajrih* iaitu seorang perawi tidak diketahui hafalannya (*mastur*) pada tingkatan ketujuh dan seorang perawi lemah (*da'if*) pada tingkatan kelapan. Empat orang perawi tidak diketahui peribadinya (*majhul*) pada tingkatan kesembilan dan dua orang perawi ditolak hadisnya (*matruk*) dari tingkatan kesepuluh.

SKOP DAN METODOLOGI

Bidang kajian dokumentasi ke atas al-Quran, hadis, kitab-kitab agama boleh dilakukan sama ada dengan menggunakan metode analisis kandungan, perbandingan dan kajian persejaraan (Yusoff & Othman, 2013). Oleh itu, kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif sepenuhnya yang melibatkan pengumpulan data melalui analisis teks dan kandungan (Sirin, 2013). Artikel ini mengkaji dua orang perawi bernama Hilal yang memiliki empat nama. Hilal bin Abi Humaid sebenarnya memiliki lebih daripada empat, namun skop kajian membataskan kepada nama-nama yang digunakan dalam sanad *al-Kutub al-Sittah*. Hukuman ke atas perawi dalam artikel ini secara umumnya berpandukan penilaian Ibn Hajar dalam *al-Taqrīb*. Pengarang membahagikan tingkatan perawi kepada 12 dengan enam tingkatan untuk perawi yang diterima dan enam tingkatan untuk perawi yang ditolak. Oleh itu, kitab-kitab dalam bidang rijal

hadis menjadi sumber rujukan utama. Antaranya *Tahdhib al-Kamal*, *al-Kashif fi Ma'rifah man lah Riwayah fi al-Kutub al-Sittah*, *Tahdhib al-Tahdhib* dan *Taqrib al-Tahdhib*. Kepentingan kitab-kitab rijal selain daripada menjadi rujukan dalam ilmu *al-jarh wa al-ta'dil* adalah untuk mengenal pasti dan memperbetul nama-nama perawi dalam sanad kitab hadis (Zaman 1994).

Kitab rijal pertama yang ditulis menghimpunkan para perawi *al-Kutub al-Sittah* ialah *al-Kamal fi Asma' al-Rijal* oleh al-Maqdisi. Kitab ini kemudiannya ditambah baik oleh al-Mizzi dengan judul *Tahdhib al-Kamal* sebesar 35 jilid. Ibn Hajar menyaring nama-nama perawi dalam *Tahdhib al-Kamal* dengan mengeluarkan kitab *Tahdhib al-Tahdhib* sebesar 12 jilid. Atas permintaan murid-muridnya, Ibn Hajar meringkaskan lagi kepada *Taqrib al-Tahdhib* sebesar dua jilid.

Selain daripada kitab rijal sebagai sumber primer, beberapa sumber sekunder dalam disiplin *'ulum al-hadith* turut menjadi rujukan. Antaranya kitab tentang perawi yang sama pada nama tapi berlainan individu yang dikenali dengan *al-muttafiq wa al-muftariq*. Juga perawi yang namanya sama pada tulisan tapi berbeza pada sebutan yang berpunca daripada kesilapan titik huruf atau tanda baris yang dikenali dengan *al-mu'talif wa al-mukhtalif*. Perawi yang sama pada tulisan dan sebutan tapi terbalik pada susunan namanya dibahasakan dalam *al-mutasyabih wa al-maqhub*. Begitu juga perawi yang masyhur dengan nama gelaran berbanding nama sebenar dihimpunkan dalam penulisan tentang *al-alqab wa al-kuna* (Ibn Hajar 1422H). Ia merangkumi nama yang dinisbahkan kepada bapa (patronimi), nama yang dinisbahkan kepada ibu (matronimi), nama yang dinisbahkan kepada anak (teknonimi) dan perawi yang menggunakan nama samaran atau tidak diketahui (anonim).

Selepas pengumpulan data, maklumat dianalisis menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Kaedah induktif dilaksanakan secara analisis menyeluruh (*istiqlal tam*) bagi mencapai elemen kepastian. Kajian berdasarkan beberapa sampel terpilih menyebabkan analisis tidak menyeluruh (*istiqlal naqis*) dan menatijahkan kesimpulan yang kurang tepat. Untuk itu, semua perawi dengan nama Hilal dijumlahkan terlebih dahulu sebelum dibataskan skop kajian kepada rijal *al-Kutub al-Sittah*. Hasilnya, 29 orang perawi bernama Hilal ditemukan.

Kaedah deduktif dijalankan dengan menyaring daripada keseluruhan 29 orang perawi bernama Hilal yang ditemukan, siapakah perawi yang namanya

berulang. Terdapat dua orang perawi yang namanya berulang sebanyak empat kali. Entri perawi dengan nama berulang dipadankan dengan penggunaan nama tersebut dalam sanad agar kesimpulan (*istinbat*) dapat dibuat tentang peribadinya yang sebenar. Pengesanan seseorang perawi dapat dilakukan melalui kaedah perbandingan (*muqaranah*) riwayat. Iaitu dengan melihat siapakah senarai guru yang meriwayatkan hadis kepadanya dan senarai murid yang mengambil hadis daripadanya. Begitu juga dengan melihat kepada generasi (*tabaqat*) dan tahun kewafatan perawi (*wafayat*). Perbandingan ini dapat mengenal pasti perawi dan menjelaskan punca kekeliruan yang timbul.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati terdapat dua orang perawi yang mempunyai empat nama berlainan. Pertama ialah Hilal bin Abi Hilal dan kedua ialah Hilal bin Abi Humaid. Perbincangan ditumpukan kepada biodata perawi, penggunaan nama dalam sanad dan perbincangan para sarjana terhadap isu ini. Faktor nama yang berbentuk patronimi dikenal pasti sebagai sebab utama pengulangan ini berlaku. Patronimi adalah istilah dalam linguistik yang bermaksud nama yang dinasabkan kepada bapa atau susur galur bapa ke atas (Cambridge Dictionary 2024). Kata lawannya ialah matronimi iaitu nama yang dinasabkan kepada ibu atau susur galur ibu ke atas (Pusat Rujukan Persuratan Melayu 2024). Contoh dalam al-Quran seperti 'Isa bin Maryam. Sahabat Nabi yang nama mereka berbentuk matronimi adalah Syurahbil bin Hasanah, Mu'adh bin 'Afra', Sahl bin al-Hanzaliyyah dan Uaimah binti Ruqaiqah.

PERAWI HILAL BIN ABI HILAL

Hilal bin Abi Hilal adalah seorang perawi dari generasi tabi'in dan hadisnya terdapat dalam semua Enam Kitab. Nama penuhnya ialah Hilal bin 'Ali al-Madani yang berasal dari Madinah (al-Tirmidhi t.th.). Beliau juga digelar al-'Amiri kerana berasal daripada hamba Bani 'Amir bin Lu'ayy (al-Bukhari 1987). Ibn Hajar (2004) membuat kesimpulan perawi ini seorang yang dipercayai iaitu *thiqah*. Perawi *thiqah* berada di tingkatan ketiga daripada 12 tingkatan yang terdapat dalam *al-Taqrib*.

Terdapat 34 riwayatnya dalam *Sahih al-Bukhari*, empat dalam *Sahih Muslim*, lima dalam *Sunan Abi*

Dawud, tiga dalam *Sunan al-Tirmidhi*, empat dalam *Sunan al-Nasa'i* dan lima dalam *Sunan Ibn Majah*. Perawi ini mempunyai empat nama berlainan yang direkodkan dalam sanad-sanad hadis. Disebabkan al-Bukhari menggunakan keempat-empat nama ini, penulis mendatangkan contoh-contoh sanad hadis dalam *Sahih al-Bukhari* sahaja.

HILAL BIN 'ALI

Inilah nama sebenar perawi ini iaitu Hilal bin 'Ali bin Usamah bin Abi Maimunah al-Madani (Al-Mizzi 1980). Dari sudut 12 pembahagian generasi perawi, Ibn Hajar meletakkan beliau pada peringkat kelima iaitu generasi *tabi'in* kecil. Menurut al-Waqidi, perawi ini meninggal dunia di akhir zaman pemerintahan Khalifah Hisham bin 'Abd al-Malik (Ibn Hajar 2004). Penulis menukar tahun wafat perawi ke dalam bentuk angka iaitu selepas tahun 115 Hijrah.

Memperkenalkan tahun wafat perawi berdasarkan tahun pemerintahan khalifah adalah suatu yang biasa didapati dalam kitab-kitab rijal. Misalnya wafat pada zaman pemerintahan 'Uthman (m. slps. 24H), wafat di zaman Mu'awiyah (m. slps. 41H), wafat di zaman Khalifah 'Umar 'Abd al-'Aziz (m.100H) atau wafat ketika pemerintahan Harun al-Rashid di Baghdad (m. slps. 170H). Oleh sebab itu, terdapat keperluan untuk menterjemah tahun-tahun pemerintahan ini kepada tahun angka bagi memudahkan pembacaan. Ulama silam menjadikan tahun pemerintahan seseorang khalifah sebagai kayu ukur kerana ia suatu yang maklum di kalangan ilmuwan. Namun perkara ini menjadi kesukaran pada zaman kini kerana tidak masyhur menggunakan tahun pemerintahan khalifah sebaliknya lebih ilmiah untuk menggunakan sama ada tahun Hijrah atau Masihi.

Dalam artikel ini, penulis menggunakan kaedah yang sama. Tahun pemerintahan Khalifah Hisham bin 'Abd al-Malik ialah di antara tahun 105 hingga 125 Hijrah (724-743M). Maka zaman khilafah Hisham terbahagi kepada dua iaitu zaman awal (105-115H) dan zaman akhir (115-125H). Apabila disesuaikan dengan rekod al-Waqidi, perawi ini meninggal dunia selepas tahun 115 Hijrah (734M). Penukaran zaman pemerintahan kepada tahun angka akan memudahkan kajian dilakukan terhadap generasi perawi. Al-Bukhari menggunakan nama asal perawi ini iaitu Hilal bin 'Ali pada 21 tempat dalam *Sahih*-nya. Berikut adalah salah satu daripada sanadnya.

Al-Bukhari [*haddathana*] Muhammad bin Sinan [*haddathana*] Fulaih bin Sulaiman [*haddathana*] Hilal bin 'Ali [*an*] Anas, katanya:

Rasulullah SAW itu bukan seorang yang cakap kotor, bukan seorang pelaknat dan bukan juga seorang pencela. Jika hendak tegur pun, baginda hanya berkata: Mengapa dengan dia, berdebu dahinya (bahasa sindiran bermaksud alangkah ruginya atau doa bermaksud moga dahimu sujud kepada Allah). (Al-Bukhari 1987: no.5699).

Walaupun Hilal bin 'Ali ialah namanya yang sebenar, nama ini tidak digunakan dalam riwayat Muslim, al-Nasa'i dan Ibn Majah. Abu Dawud dan al-Tirmidhi hanya meriwayatkan satu sanad menggunakan nama sebenar perawi ini. Bapa perawi ini bernama 'Ali bin Usamah. Nama gelaran (*kunyah*) bagi 'Ali ialah Abu Hilal. Maka nama kedua perawi ini ialah Hilal bin Abi Hilal.

HILAL BIN ABI HILAL

Selain nama sebenar, al-Bukhari turut memperkenalkan perawi ini dengan nisbah kepada nama gelaran (*kunyah*) bapa. Ini disebabkan 'Ali mempunyai anak bernama Hilal, lalu digelar Abu (bapa) Hilal. Dalam kitab rijal, terdapat tiga orang perawi bernama Hilal bin Abi Hilal, seorang dari generasi Sahabat dan dua orang dari generasi *tabi'in*.

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, perawi Hilal bin Abi Hilal al-Aslami tidak termasuk kerana dia seorang Sahabat. Walaupun seorang lagi perawi *tabi'in* bernama Hilal bin Abi Hilal, nama yang digunakan dalam sanad hadis ialah Abu Zilal, seorang perawi *da'if* (Ibn Hajar 2004). Maka Hilal bin Abi Hilal dalam sanad al-Bukhari merujuk kepada Hilal bin 'Ali kerana al-Bukhari menasabkan perawi ini kepada gelaran bapanya. Berikut sanad yang direkodkan dalam kitab beliau.

Al-Bukhari [*haddathana*] 'Abdullah bin Maslamah [*haddathana*] 'Abd al-'Aziz bin Abi Salamah [*an*] Hilal bin Abi Hilal [*an*] 'Ata' bin Yasar [*an*] 'Abdillah bin 'Amr bin al-'As RA, katanya:

Sesungguhnya ayat yang terdapat dalam al-Qur'an ini: "[Wahai Nabi,] sungguh Kami utuskan engkau sebagai saksi, pembawa khabar gembira dan pemberi ingatan." (Al-Fath, 8). Ia bersamaan dengan ayat dalam Taurat ini: "Wahai Nabi, sungguh kami utuskan engkau sebagai saksi, pembawa khabar gembira dan pelindung kepada orang-orang Arab. Engkaulah hambaKu, rasulKu, Aku namakan engkau *al-Mutawakkil* (yang bertawakal). Bukan seorang yang perangai buruk, kasar dan (bersuara) keras di pasar. Bukan seorang yang membalas kejahatan

tapi memaafkan dan mengampunkan. Allah tidak akan mewafatkannya hingga dia meluruskan agama yang bengkok. Hingga semuanya mengucapkan *La Ilah Illa Allah* yang dengannya terbuka mata yang buta, telinga yang tuli dan hati yang tertutup.” (Al-Bukhari 1987: no.4558).

Hadis di atas turut diriwayatkan oleh Ahmad (no.6622) dan al-Darimi (no.6). Sanad Ahmad menggunakan nama Hilal bin ‘Ali manakala sanad al-Darimi menggunakan nama Hilal bin Usamah. Usamah ialah datuk kepada Hilal, maka nama panjang perawi ini Hilal bin ‘Ali bin Usamah. Nama ketiga perawi ini ialah Hilal bin Usamah.

HILAL BIN USAMAH

Pengarang *al-Kutub al-Sittah* adakalanya memperkenalkan perawi ini dengan menasabkan terus kepada nama datuk (Ibn Hajar 2004). Perkara ini suatu yang lumrah bagi orang Arab sepertimana Ahmad bin Hanbal yang nama sebenarnya ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. Menurut al-‘Ainiy (t.th.), riwayat dengan nama Hilal bin Usamah disebabkan nisbah langsung kepada datuknya. Al-Bukhari meriwayatkan dua sanad dengan nisbah kepada nama datuknya Usamah, salah satunya seperti di bawah.

Al-Bukhari [*haddathana*] Asbagh [*qala akhbarani*] Ibn Wahb [*akhbarana*] Abu Yahya [*huwa*] Fulaih bin Sulaiman [*‘an*] Hilal bin Usamah [*‘an*] Anas bin Malik RA, katanya:

Nabi SAW itu bukan seorang yang pencela, bukan suka cakap kotor dan bukan juga seorang pelaknat. Jika baginda hendak menegur salah seorang daripada kami, sekadar berkata: Mengapa dahinya berdebu (bermaksud ruginya mengapalah dia buat begitu). (Al-Bukhari 1987: no.5684).

Penggunaan nama nisbah datuk turut digunakan oleh Muslim, Abu Dawud dan al-Nasa’i dalam riwayat mereka. Namun ia tidak digunakan oleh al-Tirmidhi dan Ibn Majah dalam sanad mereka berdua. Tanpa bantuan kitab-kitab rijal, perawi ini mungkin dikelirukan dengan seorang lagi perawi bernama Hilal bin Usamah al-Madani. Ini disebabkan mereka berdua berasal dari tempat yang sama iaitu Madinah maka digelar al-Madani. Al-Madani ialah nisbah kepada nama mana-mana kota yang masyhur manakala al-Madani nisbah kepada kota Rasulullah SAW di Madinah (Mulla ‘Ali t.th.).

Hilal bin Usamah al-Madani dari generasi tabi‘in dan tiada riwayatnya dalam mana-mana *al-Kutub al-Sittah*. Untuk membezakan perawi sebegini, Ibn Hajar meletakkan istilah ‘*tamyiz*’ pada namanya. Perawi ini dinilai *syaiikh majhul* pada tingkatan kesembilan daripada 12 tingkatan dalam *al-Taqrīb* (Ibn Hajar 2004).

Nama penuh datuk Hilal ialah Usamah bin Abi Maimunah yang mana Abu Maimunah ialah gelaran (*kunyah*) kepada moyang Hilal. Adakalanya sanad hadis menyandarkan terus kepada gelaran moyangnya. Maka nama keempat perawi ini ialah Hilal bin Abi Maimunah.

HILAL BIN ABI MAIMUNAH

Nama dengan nisbah gelaran moyang lebih masyhur berbanding nama dengan nisbah bapa, gelaran bapa ataupun datuk. Nama ini turut digunakan oleh Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa’i dan Ibn Majah dalam sanad mereka. Al-Bukhari dalam *Sahih*-nya memperkenalkan perawi ini dengan gelaran moyangnya Abu Maimunah seperti berikut.

Al-Bukhari [*haddathana*] Mu‘adh bin Fadal [*qala haddathana*] Hisyam [*‘an*] Yahya [*‘an*] Hilal bin Abi Maimunah [*haddathana*] ‘Ata’ bin Yasar [*annah samī‘a*] Abu Sa‘id al-Khudri berkata:

Pada suatu hari, Nabi SAW duduk di atas mimbar dan kami pula duduk di sekeliling baginda. (Al-Bukhari 1987: no.879).

Menurut al-‘Ainiy (t.th.), riwayat dengan nama Hilal bin Abi Maimunah disebabkan oleh nisbah kepada datuk bapanya. Maka pandangan Ibn ‘Abd al-Bar (t.th.) bahawa Abu Maimunah merupakan *kunyah* bapanya adalah tidak tepat. Penggunaan sehingga empat nama berlainan daripada seorang perawi boleh menimbulkan kekeliruan. Bukan sahaja kepada pembaca bahkan kepada pengarang kitab-kitab rijal.

Menurut al-‘Ainiy (2006), ada yang menyangka mereka empat orang berlainan sedangkan mereka satu individu yang sama. Al-Mizzi mengkritik al-Maqdisi kerana memasukkan perawi Muhammad bin Humran sebagai salah seorang murid Hilal bin ‘Ali. Menurutnyanya, al-Maqdisi tersilap kerana yang betul perawi ini adalah murid Hilal bin Abi Zainab. Ibn Hajar membantah kerana dalam kajiannya hanya seorang perawi meriwayatkan daripada Hilal bin Abi Zainab iaitu ‘Abdullah bin ‘Aun. Abu Hatim juga menyenaraikan Muhammad bin Humran sebagai

salah seorang murid Hilal bin ‘Ali. Maka jelaslah, fakta yang betul bersamaan dengan pengarang *al-*

Kamal iaitu al-Maqdisi wa *Allahu a‘lam*, demikian ulasan Ibn Hajar (1984).

JADUAL 1. Hasil Kajian Perawi Hilal bin Abi Hilal

Perawi	Sanad	Nama
Hilal bin ‘Ali	Al-Bukhari, Abu Dawud, al-Tirmidhi	Nisbah bapa
Hilal bin Abi Hilal	Al-Bukhari	Gelaran bapa
Hilal bin Usamah	Al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Nasa’i	Nisbah datuk
Hilal bin Abi Maimunah	Pengarang <i>al-Kutub al-Sittah</i>	Gelaran moyang

Penulis membuat perbandingan di antara guru-guru Muhammad bin Humran dan membuat dua kesimpulan berikut. Pertama, pandangan al-Mizzi lebih tepat kerana Muhammad bin Humran bukanlah murid kepada Hilal bin ‘Ali disebabkan mereka bukan sezaman dan tidak pernah bertemu (Al-Mizzi 1980). Kedua, pandangan Ibn Hajar bahawa murid Hilal bin Abi Zainab hanyalah ‘Abdullah bin ‘Aun adalah betul. Oleh itu, menyenaraikan Muhammad bin Humran sebagai murid Hilal bin Abi Zainab ataupun Hilal bin ‘Ali adalah tidak tepat. Ini kerana guru kepada Muhammad bin Humran yang sebenar adalah Hilal bin Jubair (Al-Mizzi 1980). Maka kritikan al-Mizzi ada asasnya.

Kekeliruan terhadap perawi Hilal bin Abi Hilal yang mempunyai hingga empat nama diringkaskan seperti Jadual 1 di atas. Pertama kerana nisbah nama bapa, kedua kerana nisbah gelaran bapa, ketiga kerana nisbah nama datuk dan keempat kerana nisbah gelaran moyang. Perawi kedua yang dikaji ialah Hilal bin Abi Humaid.

PERAWI HILAL BIN ABI HUMAID

Hilal bin Abi Humaid adalah seorang perawi dari generasi tabi‘ tabi‘in dan hadisnya terdapat dalam semua Enam Kitab kecuali *Sunan Ibn Majah* (al-Mizzi 1980). Perawi ini seorang yang dipercayai iaitu *thiqah* dan berada di tingkatan ketiga daripada enam tingkatan *al-ta‘dil* (Ibn Hajar 2004).

Empat riwayatnya direkodkan dalam *Sahih al-Bukhari*, tiga dalam *Sahih Muslim*, satu dalam *Sunan Abi Dawud*, satu dalam *Sunan al-Tirmidhi* dan dua dalam *Sunan al-Nasa’i*. Walaupun khilaf ulama terhadap nama perawi ini melebihi daripada empat, kajian menumpukan kepada hanya empat nama yang digunakan dalam sanad hadis Muslim, Abu Dawud dan al-Nasa’i.

HILAL BIN HUMAID

Dalam *Sahih Muslim*, pengarang memperkenalkan perawi ini dengan menisbahkan terus kepada nama bapa iaitu Humaid. Muslim adalah satu-satunya pengarang yang menggunakan nama Hilal bin Humaid pada satu sanad hadisnya seperti berikut.

Muslim [*haddathana*] Abu Kuraib [*haddathana*] Waki‘ [*‘an*] Mis‘ar [*‘an*] Hilal bin Humaid [*‘an*] ‘Urwah [*‘an*] ‘A’isyah berkata:

Keluarga Muhammad SAW tidak pernah kenyang (berterusan makan) dengan roti gandum selama dua hari (berturut-turut) melainkan salah satu harinya dengan kurma. (Muslim t.th.: no.7638).

Hadis ini sahih *muttafaqun ‘alaih* (al-Albani 1985). Menurut riwayat al-Bukhari (no.5100) dengan makna yang hampir sama, keluarga Nabi tidak pernah kenyang dengan roti gandum selama tiga hari berturut-turut hinggalah baginda wafat. Para sarjana hadis berselisih pendapat tentang nama bapa perawi ini sama ada Hilal bin Humaid, Hilal bin Abi Humaid, Hilal bin Miqlas, Hilal bin ‘Abd al-Rahman atau Hilal bin ‘Abdillah. Sekurang-kurangnya terdapat lima nama perawi ini seperti yang dikaji oleh al-Mizzi (1980).

Perbezaan nama ini menyebabkan Ibn Hibban berpendapat Hilal bin Abi Humaid, Hilal bin Miqlas dan Hilal bin ‘Abd al-Rahman adalah tiga individu berbeza sedangkan mereka orang yang sama (Ibn Hajar 1984). Al-Bukhari (t.th.) membuktikan nama Hilal bin Abi Humaid lebih tepat namun tidak menafikan nama Hilal bin Humaid kerana ia turut digunakan oleh Waki‘ al-Jarrah. Cuma menurut al-Bukhari, namanya bukan Hilal bin ‘Abdillah.

HILAL BIN ABI HUMAID

Abu Dawud memperkenalkan perawi ini dengan nisbah kepada nama gelaran (*kunyah*) bapa iaitu Abu Humaid. Ini seperti yang tertera dalam sanad di bawah.

Abu Dawud [*haddathana*] Musaddad [*wa*] Abu Kamil [*qala haddathana*] Abu 'Awanah [*'an*] Hilal bin Abi Humaid [*'an*] 'Abd al-Rahman bin Abi Laila [*'an*] al-Bara' bin 'Azib, katanya:

Aku perhatikan ketika Muhammad SAW (menurut riwayat Abu Kamil, ketika Rasulullah SAW) bersolat, (tempoh lamanya) baginda berdiri (qiyam) sama seperti baginda rukuk dan sujud. Baginda iktidal pula sama seperti baginda sujud. (Tempoh) baginda duduk antara dua sujud, duduk antara salam (tahiyat akhir) dan duduk selepas solat (zikir) adalah hampir sama. (Abu Dawud t.th.: no.854).

Sanad hadis ini sahih, menepati syarat al-Bukhari dan Muslim. Hadis ini turut diriwayatkan oleh Muslim, Ahmad dan al-Baihaqi (al-Albani 2002). Muslim juga menggunakan nama *kunyah* bapa pada dua hadis bernombor 1085 dan 1212 namun nama ini tidak digunakan oleh pengarang *al-Kutub al-Sittah* yang lain.

Selain kepelbagaian nama bapa, perawi ini juga mempunyai nama *kunyah* dan nama gelaran (*laqab*) yang berbeza-beza. Antaranya Abu Umayyah, Abu al-Jahm, Abu 'Amr, al-Wazzan, al-Sairafi dan al-Juhani. Catatan dalam kitab-kitab rijal membuktikan Hilal bin Abi Humaid mempunyai pelbagai nama bapa, nama *kunyah* dan nama *laqab* (Ibn Hajar 2004).

Dalam keadaan ini, para sarjana hadis mencari nama paling tepat dan masyhur yang digunakan dalam sanad-sanad hadis serta biodata perawi. Maka Hilal bin Abi Humaid adalah namanya yang tepat seperti kajian al-Bukhari (t.th.). Al-Dulabi (2000) dalam bukunya *al-Kuna wa al-Asma'* senada dengan al-Bukhari bahawa nama *kunyah* perawi ini ialah Abu Umayyah dan nama gelarannya yang masyhur al-Wazzan.

HILAL BIN MIQLAS

Al-Tirmidhi adalah satu-satunya pengarang yang menggunakan nama Hilal bin Miqlas pada satu hadis yang beliau riwayatkan.

Al-Tirmidhi [*haddathana*] Hannad [*wa*] Abu Zur'ah [*wa ghairu wahid qalu akhbarana*] Qabisah [*'an*] Isra'il [*'an*] Hilal bin Miqlas al-Sairafi [*'an*] Abi Bishr [*'an*] Abi Wa'il [*'an*] Abu Sa'id al-Khudri berkata:

Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang makan makanan yang baik (halal), beramal mengikut sunnah dan manusia lain berasa aman dari kejahatannya, maka dia akan masuk ke dalam syurga.

Seorang Sahabat bertanya: Wahai Rasulullah pada zaman kita ini, orang-orang seperti ini tersangatlah ramai. Kata baginda: Dan orang-orang seperti ini juga akan ada pada zaman selepasku nanti. (Al-Tirmidhi t.th.: no.2520).

Menurut al-Tirmidhi, hadis ini *gharib* yang diriwayatkan secara berseorangan oleh Isra'il bin Yunus daripada Hilal. Matan hadis ini terbahagi kepada dua perenggan. Perenggan pertama dinilai *da'if* disebabkan oleh perawi Abu Bishr, seorang *majhul* (Ibn Hajar 2004). Al-Tirmidhi pernah bertanya gurunya al-Bukhari tentang Abu Bishr dan beliau tidak mengenalinya. Penilaian *gharib* oleh al-Tirmidhi adalah isyarat *tad'if* daripadanya. Al-Dhahabi (1990) juga menilai perawi Abu Bishr tidak dikenali; *la yu'raf* namun mensahihkan sanad hadis ini dalam *al-Mustadrak*. Menurut al-Albani, mungkin beliau terlupa.

Namun perenggan kedua hadis ini *munkar* seperti yang dinilai oleh Ahmad dan Ibn al-Jawzi (al-Albani 1992). Perenggan pertama hadis ini dinilai *da'if* kerana ia disokong oleh riwayat Ibn Abi al-Dunya melalui sanad Isra'il bin Yunus. Sanad sokongan ini tidak mengandungi kisah pertanyaan Sahabat kepada Nabi seperti dalam perenggan kedua. Sanad sokongan ini juga *da'if* maka ia tidak dapat mengangkat kedudukan sanad.

Al-Albani dalam kajiannya mengkritik nukilan al-Mundhiri dalam *al-Targhib wa al-Tarhib*. Ini disebabkan al-Mundhiri menukikan ulasan al-Tirmidhi bahawa hadis ini *hasan sahih gharib*. Sedangkan ulasan al-Tirmidhi yang sebenar ialah hadis ini *gharib*. Inilah ulasan yang dinukilkan oleh tokoh-tokoh lain seperti al-Mizzi, al-Tabrizi, al-Suyuti dan al-Mubarakfuri (al-Albani 1992). Inilah sumbangan kitab-kitab rijal (*kutub al-tarajim*) dalam menukikan pandangan para imam hadis.

HILAL AL-WAZZAN

Al-Bukhari dan al-Nasa'i dalam sanad mereka berdua memperkenalkan perawi ini dengan nama Hilal al-Wazzan. Berikut sanad perawi ini dalam *Sunan al-Nasa'i*.

Al-Nasa'i [akhbarana] 'Ali bin Hujr [qala haddathana] Syarik [an] Hilal al-Wazzan [an] 'Abdullah bin 'Ukaim berkata:

Rasulullah SAW menulis surat kepada penduduk Juhainah: Janganlah kalian memanfaatkan bangkai sama ada kulitnya (yang belum disamak) atau tulangnya. (Al-Nasa'i 1986: no.4251).

Hadis ini sahih. Perawi ini adakalanya diperkenalkan dengan nama gelarannya al-Wazzan. Al-Wazzan merujuk kepada pekerjaan sebagai seorang penimbang (Al-Mizzi 1980). Namun agak mengelirukan apabila perawi ini diperkenalkan hanya dengan namanya Hilal tanpa sebarang nasab dan nisbah.

Al-Bukhari pada hadis nombor 1324 dan al-Nasa'i pada hadis nombor 1332 dan 2581 hanya

menyebut perawi Hilal tanpa sebarang nasab dan nisbah. Dalam keadaan sebegini, perlu dilihat sanad hadis dengan mengenal pasti siapakah guru dan murid yang mengambil hadisnya. Maka sanad al-Nasa'i pada hadis 1332 ialah Hilal bin Abi Humaid manakala pada hadis 2581 ialah Hilal bin Abi Hilal.

Kaedah kedua dengan melihat kepada matan seperti riwayat al-Bukhari nombor 1324. Matan hadisnya bersamaan dengan hadis lain bernombor 1265 iaitu Allah melaknat kaum Yahudi dan Nasrani kerana menjadikan makam Nabi mereka sebagai masjid bermaksud kiblat yang disembah (al-Bukhari 1987). Maka Hilal pada sanad al-Bukhari merujuk kepada Ibn Abi Humaid kerana dalam hadis lain terdapat penjelasan al-Bukhari dalam sanad, dia adalah al-Wazzan.

JADUAL 2. Hasil Kajian Perawi Hilal bin Abi Humaid

Perawi	Sanad	Nama
Hilal bin Humaid	Muslim	Nisbah bapa
Hilal bin Abi Humaid	Muslim, Abi Dawud	Gelaran bapa
Hilal bin Miqlas	Al-Tirmidhi	Nisbah bapa
Hilal al-Wazzan	Al-Bukhari, al-Nasa'i	Gelaran perawi

Dalam keadaan tertentu, melihat kepada sanad dan matan juga tidak dapat menentukan secara tepat peribadi perawi seperti seorang guru al-Bukhari yang bernama Abu Ahmad (Nadzif 2022). Ini kerana dalam sanad hanya tertera gelaran *kunyah* tanpa nama sebenar, nama nasab atau nisbah (al-'Ainiy 2006). Ulama hadis berdebat siapakah Abu Ahmad ini kepada tiga pandangan, sama ada Muhammad bin Yusuf al-Bikandi, Muhammad bin 'Abd al-Wahhab atau Marrar bin Hammuyah. Ketiga-tiga mereka dari generasi yang sama dengan nama *kunyah* yang sama. Berdasarkan kajian, Abu Ahmad pada sanad hadis al-Bukhari nombor 2580 ialah Marrar bin Hammuyah (Nadzif 2022).

Kekeliruan terhadap perawi Hilal bin Abi Humaid diringkaskan melalui dapatan seperti Jadual 2 di atas. Pertama kerana nisbah nama bapa, kedua nisbah gelaran bapa, ketiga nisbah salah satu daripada nama bapa dan keempat gelaran perawi. Inilah kepentingan ilmu biodata dan latar belakang perawi. Walaupun pembukuan hadis telah selesai, perbincangan terhadap sanad dan matan hadis masih terus berlangsung (Qudsy, et al. 2021). Kajian ini dapat menjelaskan punca kekeliruan yang berlaku akibat penisbahan nama. Dalam masa yang sama menyemarakkan penyelidikan dalam bidang rijal

yang mendapat perhatian bukan sahaja dari pengkaji muslim bahkan orientalis.

KESIMPULAN

Dua orang perawi dengan empat nama berulang dikaji. Pengulangan nama berlaku disebabkan oleh faktor nisbah bapa, nisbah datuk, gelaran perawi, gelaran bapa dan gelaran moyang. Ini menunjukkan mereka sebenarnya merujuk kepada individu yang sama. Kajian ini melengkapkan sumbangan para ulama rijal terdahulu dan menjelaskan beberapa kekeliruan yang timbul termasuk yang dibangkitkan oleh sebahagian orientalis. Bagi kajian seterusnya, dicadangkan perawi-perawi yang menjadi subjek sasaran orientalis dalam buku-buku mereka dapat dijawab oleh para pengkaji hadis berdasarkan disiplin ilmu rijal.

SUMBANGAN PENULIS

Konsep dan idea asal kajian oleh Wan Kamal Nadzif; Metodologi kajian oleh Norazmi Anas dan Shahril Nizam; Penulisan draf asli manuskrip oleh Wan Kamal Nadzif; Semakan penulisan dan pengeditan oleh Wan Khairul Aiman dan Ala Fathi. Semua

pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath. T.th. *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 1999. *Musnad Ahmad*. T.tp.: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-'Ainiy, Badr al-Din al-Hanafi. T.th. *Maghani al-Akhyar fi Sharh Asami Rijal Ma'ani al-Athar*. T.tp.: t.pt.
- Al-'Ainiy, Badr al-Din al-Hanafi. 2006. *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din (pnyt.). 1985. *Mishkat al-Masabih: al-Tabrizi*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 2002. *Sahih Abi Dawud*. Kuwait: Mu'assasah Ghiras.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1992. *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharuha al-Sayyi' fi al-Ummah*. Riyadh: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il Abu 'Abdillah. 1987. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il Abu 'Abdillah. T.th. *Al-Tarikh al-Kabir*. T.tp.: t.pt.
- Cambridge Dictionary. 2024. Cambridge University Press & Assessment. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/patronymic>. Dicapai pada: 23 Julai 2024.
- Al-Darimi, 'Abdullah bin 'Abd al-Rahman. 1407H. *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad. 1992. *al-Kashif fi Ma'rifah man lah Riwayah fi al-Kutub al-Sittah*. Jeddah: Dar al-Qiblah li al-Thaqafah al-Islamiyyah.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad. 1995. *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad (pnyt.). 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain: al-Hakim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Dulabi, Muhammad bin Ahmad Abu Bishr. 2000. *Al-Kuna wa al-Asma'*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Farooqi, A. M., Malick, R. A. S., Shaikh, M. S., & Akhunzada, A. 2024. Multi-IsnadSet MIS for Sahih Muslim Hadith with chain of narrators, based on multiple ISNAD. Data in Brief 54: 110439.
- Ibn 'Abd al-Bar, Yusuf bin 'Abdillah al-Qurtubi. T.th. *Al-Tamdhid lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. T.tp.: Mu'assasah al-Qurtubah.
- Ibn Hajar, Shihab al-Din Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani. 1986. *Lisan al-Mizan*. Beirut: Mu'assasah al-A'lami li al-Matbu'at.
- Ibn Hajar, Shihab al-Din Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani. 1422H. *Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*. Riyadh: Matba'ah Safir.
- Ibn Hajar, Shihab al-Din Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani. 1984. *Tahdhib al-Tahdhib*. T.tp.: Dar al-Fikr li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Hajar, Shihab al-Din Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani. 2004. *Taqrib al-Tahdhib*. Mesir: Dar Ibn Rajab.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini. 1996. *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Juynboll, G.H.A. 1983. Muslim Tradition: Studies in Chronology, Provenance and Authorship of Early Hadith. London: Cambridge University Press.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin 'Ali Abu Bakr. T.th. *Al-Muttafiq wa al-Muftariq*. T.tp.: t.pt.
- Al-Mizzi, Yusuf bin al-Zaki Abu al-Hajjaj. 1980. *Tahdhib al-Kamal*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Mohd Nor Adzhar, Mohammad Naqib, Mohd Khairulnazrin & Muhammad Sobri. 2023. Analisis Kritikan 'Azwu Karya al-Munabbihat kepada Ibn Hajar al-'Asqalani. *Islamiyyat*. 45 (Isu Khas): 31-46.
- Mulla 'Ali al-Qari, Nur al-Din 'Ali bin Sultan. T.th. *Sharh Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*. Beirut: Dar al-Arqam.
- Muslim bin al-Hajjaj. T.th. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib. 1986. *Sunan al-Nasa'i*. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Omar, A. 1998. Penerimaan Hadis Mutawatir dan Ahad Sebagai Nas Hukum. *Islamiyyat* 18 & 19: 45-57.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2024. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=matronimi&d=320368&#LIHATSINI>. Dicapai pada: 23 Julai 2024.
- Qudsy, S. Z., Prasajo, Z. H., Rafiq, A. & Zulfikar, T. 2021. The Social History of *Ashab Al-Jawiiyin* and the Hadith Transmission in the 17th Century Nusantara. *Islamiyyat* 43(2): 105-115.
- Sirin, K. 2013. Analisis pendekatan teks dan konteks dalam penentuan pembagian waris Islam. *Ahkam* 13(2): 209-224.
- Suliaman, I., & Yaakob, M. A. Z. 2019. Analysis on textual hadith of waqf infrastructure in al-kutub al-sittah and its applications from the perspective of Maqasid al-Sunnah. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies* 17(2): 221-245.
- Wan Kamal Nadzif bin Wan Jamil. 2017. Konsep "*Layyin al-Hadith*" Menurut Ibn Hajar Dan Perwayatannya Dalam *al-Kutub al-Sittah*. Ph.D. Thesis, Universiti Sains Malaysia.
- W.J., Wan Kamal Nadzif & Roshimah Shamsudin. 2022. Kekeliruan dalam penentuan nama perawi: Kajian terhadap sanad dalam al-Kutub al-Sitta. *Al-Bayan Journal of Qur'an And Hadith Studies* 20(3): 418-446.

- Yusoff, A., & Othman, F. 2013. Metodologi Shaykh Muhammad Sa'id Bin 'Umar dalam penggunaan hadis: Kajian analisis dan kritis terhadap tafsir Nur al-Ihsan. *Islamiyyat* 35(1): 39-47.
- Yusoff, M. F. M. 2020. A ḥadīth collection over the generations: The transmission of Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān. *Islamiyyat* 42(2): 15-21.
- Zaman, I. 1994. The science of rijal as a method in the study of hadiths. *Journal of Islamic Studies* 5(1): 1-34.